

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kes maut babit penerima dos penggalak rendah

Hanya 0.10 peratus kematian, berbanding 1.43 peratus individu tidak divaksinasi

Oleh M Hafizuddin Ikhwan dan Saadiah Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kadar kematian kes COVID-19 bagi kumpulan individu yang mengambil dos penggalak dikesan terendah, berbanding mereka yang enggan mengambil vaksin.

Kementerian Kesihatan (KKM)

mengatakan dari 1 Julai hingga 31 Disember 2022 ketika tempoh proksi Omicron (BA4/BA5), dilaporkan hanya 0.10 peratus kematian individu yang sudah mendapatkan dos penggalak, berbanding 1.43 peratus mereka yang tidak divaksinasi.

Kadar kematian kes semakin menurun bagi individu yang sudah lengkap pelalian, iaitu 0.54 peratus dan 0.13 peratus bagi mereka yang sudah mendapatkan dos penggalak pertama.

Dalam tempoh berkenaan, 396,392 kes COVID-19 dicatatkan.

"Faktor risiko utama kematian ialah umur, jantina dan mempunyai penyakit komorbiditi.

"KKM menggalakkan setiap orang untuk mendapatkan vaksinasi, termasuk dos penggalak pertama dan kedua bagi mendapatkan perlindungan optimum daripada jangkitan COVID-19," katanya semalam.

Sementara itu di **Pendang**, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pihaknya tidak mengesan kes positif COVID-19 dalam kalangan lebih 7,000 pelancong China yang tiba sejak Ahad lalu.

## Lalui proses saringan

Katanya, KKM sentiasa mengambil langkah memastikan setiap pelancong yang tiba di negara ini melalui proses saringan COVID-19 bagi mengesan mereka yang mempunyai gejala.

"Kita mula terima kemasukan pelancong China seramai 4,000 orang mulai 8 Januari lalu, dan jumlah terakhir mereka ketika ini lebih 7,000 orang.

"Setakat ini, tiada langsung kes jangkitan atau ada pelancong bergejala dikesan di pintu masuk. Status ini sangat baik dan kita bukan sahaja mengambil langkah berjaga-jaga ke atas pelancong China sa-



Tunku Shazuddin Ariff (tiga kanan) bersama Dr Zaliha (dua kanan) dan Alexander (empat kanan) ketika melawat wad unit rawatan rapi (ICU) Hospital Pendang, pada majlis penyerahan hospital itu, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

haja, tetapi pelancong negara lain juga," katanya.

Beliau hadir pada Majlis Penyerahan Hospital Pendang oleh Kementerian Kerja Raya. Turut berangkat, Tunku Mahkota Kedah, Tunku Shazuddin Ariff Sultan Sallehuddin. Yang turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Mengulas mengenai cadangan Malaysia menutup pintu sempadan susulan varian baharu COVID-19, Dr Zaliha berkata, ia tidak perlu dilakukan kerana bilangan kes positif dalam negara sangat rendah ketika ini.

Jelasnya, secara keseluruhan

kes COVID-19 negara terkawal berikutan kesedaran orang ramai mengenai wabak itu semakin tinggi ketika ini.

Hospital Pendang mengalami kelewatan pembinaan berikutan masalah pengambilan tanah dan bertukar kontraktor selepas kerja pecah tanah dilakukan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 2015.

Pembinaan hospital itu membatik kos lebih RM255 juta, mempunyai 126 katil dan empat dewan bedah, dan akan mengurangkan kesesakan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani.

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : LOKAL

## Hospital Sungai Buloh kesan waris

**Kuala Lumpur:** Hospital Sungai Buloh sedang berusaha mengesan waris seorang lelaki yang meninggal dunia pada 31 Disember lepas dan mayatnya masih tidak dituntut di Jabatan Forensik hospital itu.

Hospital Sungai Buloh dalam kenyataan memaklumkan lelaki itu dikenali sebagai Mohd Roni Malik merupakan tahanan Penjara Sungai Buloh dan dimasukkan ke hospital berkenaan sebelum disahkan meninggal dunia.

"Pihak Jabatan Penjara telah membuat pencarian waris terdekat bagi urusan pengebumian iaitu Sapinah Salleh (pasangan) dan Nurul Natasya Nabila Mohd

Roni (anak) beralamat di Flat City Height, Taman Sri Sg Chua, 43000 Kajang, tetapi tiada waris ditemui mengikut alamat terbabit," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, Hospital Sungai Buloh memohon waris si mati ataupun orang ramai yang mengenali si mati dan waris supaya tampil memberikan maklumat dengan hadir ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan hospital berkenaan.

Mereka yang mengenali si mati boleh **menghubungi Nur Hanani Mohd Nasir di talian 03-61454333 sambungan 2256 atau Jabatan Forensik Hospital Sungai Buloh di talian 03-61454333 sambungan 3100.**

Jabatan Kesihatan Selangor rampas puluhan kosmetik yang tidak merkan nombor pendaftaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bernilai RM58,000 di sebuah premis perniagaan di sini, minggu lepas.

Pengarahnya, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata rampasan itu dibuat hasil serbuan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) JKNS di premis ter-

## JKNS rampas kotak kosmetik RM58,000

babit.

Katanya, serbuan itu dilaksanakan selepas pihaknya menerima maklumat daripada orang ramai tentang perniagaan pengeluaran kosmetik yang disyaki tidak bernoitifkasi dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) KKM.

Sha'ari berkata modus operandi sindiket berkenaan ialah memasarkan keluaran

kosmetik tidak bernoitifkasi itu melalui laman sesawang yang mempromosi kosmetik untuk tujuan pemulihan dan antipenuaan kulit tanpa merujuk kepada pengamal perubatan berdaftar yang dikhuatiri akan mengakibatkan kesan sampingan buruk dan membahayakan kesihatan orang ramai.

"Kes akan disiasat di bawah Akta Jualan Dadah 1952

dan jika sabit kesalahan, pihak yang berkaitan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 di bawah akta yang sama.

"Sehubungan itu, JKNS menasihati orang ramai supaya sentiasa berhati-hati sewaktu membeli sebarang keluaran kesihatan dan kosmetik yang dijual dan memastikannya berdaftar dengan PBKD KKM," katanya

dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Dr Sha'ari menasihati orang ramai agar mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan produk yang meragukan sebagai usaha bersama pihak kementerian untuk membanteras penjualan produk kesihatan yang tidak dibenarkan bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam.



JKNS menasihati orang ramai supaya sentiasa berhati-hati sewaktu membeli sebarang keluaran kesihatan dan kosmetik yang dijual dan memastikannya berdaftar dengan PBKD KKM"

Dr Sha'ari Ngadiman

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

## Tiada kes positif Covid-19 pengembara China

**PENDANG** - Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati tiada kes positif Covid-19 dikesan dalam kalangan 7,193 pengembara dari China yang tiba di negara ini sejak 8 hingga 10 Januari lalu.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kumpulan pengembara itu juga didapati tidak mengalami demam atau gejala jangkitan saluran pernafasan ketika proses saringan dilakukan di pintu masuk negara.

"Jadi itu adalah satu status yang sangat baik yang mana langkah-langkah yang kita ambil ini bukan sahaja pelancong dari China bahkan dari negara lain juga," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Projek Hospital Pendang semalam.

Tunku Mahkota Kedah, Tunku Shazuddin Sultan Sallehuddin berkenan menyaksikan majlis penyerahan projek tersebut.

Sementara itu, menurut Dr. Zaliha, kes harian Covid-19 dalam negara juga terkawal iaitu masih di bawah 500 kes dengan angka tiga digit kekal sejak 17 Disember tahun lalu.

"Sebenarnya memang setiap hari kita ada buat saringan dengan jumlah saringan yang agak tinggi iaitu mencecah belasan ribu.

"Itu menunjukkan bahawa orang ramai masih ada lagi kesedaran untuk buat ujian khususnya bila bergejala, namun kes positif yang dikesan agak rendah," ujarnya.

Berdasarkan situasi itu, kata beliau, pihaknya tidak melihat keperluan untuk menutup pintu masuk negara.

Dalam pada itu, ujarnya, trend pengambilan dos penggalak kedua di fasiliti kesihatan di seluruh negara dilihat meningkat sejak dua minggu lalu turut membantu mengawal penularan Covid-19.

"Secara purata, dalam tujuh hari pengambilan dos penggalak kedua meningkat enam kali ganda pada 10 Januari lalu iaitu sebanyak 5,705 dos berbanding sejumlah 967 dos pada 27 Disember tahun lalu.

"KKM menasihatkan individu yang belum menerima dos penggalak vaksin Covid-19 agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

# 7,193 pelancong China bebas jangkitan Covid-19

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
 utusannews@mediamulia.com.my

**PENDANG:** Semua 7,193 pelancong China yang tiba ke negara ini sejak 8 Januari disahkan bebas jangkitan Covid-19.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, sejak pembukaan sempadan negara China pada tarikh sama, kes harian Covid-19 di negara ini masih di bawah 500 kes sehari selain angka tiga digit itu juga kekal sejak 17 Disember tahun lalu.

“Saringan demam menggunakan *thermal scanner* ke atas semua pengembara masih diteruskan. Pada masa sama, Jabatan Imigresen Malaysia membantu dengan menyediakan laluan khas bagi mengasingkan dan memudahkan pengesanan gejala dalam kalangan pengembara dari China.

“Pengasingan ini dapat mengurangkan jangkitan kepada pengembara lain semasa berada di pintu masuk antarabangsa (PMA). Langkah pengasingan dan pengesanan ini akan diteruskan dan dipantau Kementerian Kesihatan,” kata beliau selepas Majlis Penyerahan Hospital Pendang di sini semalam.

Turut bersama dalam majlis penyerahan hospital itu ialah Tunku Mahkota Kedah, Tunku Shazuddin Ariff Sultan Sallehuddin dan Menteri Kerja Raya, Datuk Sri Alexander Nanta Linggi.

Mengulas lanjut, Dr. Zaliha



**TUNKU Shazuddin Ariff Sultan Sallehuddin (tiga kanan), Alexander Nanta Linggi (empat kanan) dan Dr. Zaliha Mustafa (dua kanan) ketika melawat wad dan fasiliti hospital pada Majlis Penyerahan Hospital Pendang di Pendang semalam. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN**

berkata, tren pengambilan dos penggalak kedua di fasiliti kesihatan di seluruh negara yang meningkat sejak dua minggu lalu turut membantu kepada keadaan Covid-19 yang terkawal.

“Secara purata, tujuh hari pengambilan dos penggalak kedua meningkat enam kali ganda pada 10 Januari lalu iaitu sebanyak 5,705 dos berbanding sebanyak 967 dos pada 27 Disember tahun lalu.

“Kementerian Kesihatan

menasihatkan individu yang belum menerima dos penggalak vaksin Covid-19 agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang,” katanya.

Justeru, beliau berkata, tiada keperluan buat masa ini untuk mengambil langkah drastik sehingga menutup pintu sempadan negara memandangkan kesedaran rakyat juga semakin tinggi.

“Setiap hari ada saringan dan jumlah saringan agak tinggi sehingga mencecah belasan ribu. Jadi itu tidak bermaksud yang tiada orang datang untuk buat ujian (saringan).

“Itu menunjukkan bahawa memang orang ramai masih lagi ada kesedaran untuk buat saringan khususnya apabila mereka ada gejala tetapi dalam keadaan macam itu yang kita jumpa kes positif agak rendah,” katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

# 'Anti-vaxx soldier legally sacked'

## His refusal to be vaccinated was a clear disobedience of a standing order, rules judge

By **NURBAITI HAMDAN**  
nurbaiti@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** A former soldier's refusal to take the Covid-19 vaccine was a clear disobedience of a standing order imposed on all Malaysian army personnel in 2021, says the High Court.

Due to the breach of order, Justice Ahmad Kamal Md Shahid said the subsequent action by the Armed Forces to discharge former soldier Wan Ramli Wan Seman was in line with the law.

"Further, I find that the issuance of the vaccination order (via a letter dated March 3, 2021) was reasonably balanced with the interests of the individual and the Armed Forces.

"The vaccination order was issued to ensure the risk of infection

among Malaysian army members could be reduced and prevent the existence of clusters among members.

"As the applicant has failed to provide any relevant material to exempt himself from being vaccinated, he is thereby obliged to comply with the vaccination order," the judge said in his decision to dismiss Wan Ramli's judicial review application yesterday.

Wan Ramli was seeking a court declaration that a discharge letter he received dated Aug 4, 2021, and his discharge was null, void and had no effect.

He contended that he had the freedom of choice under Article 5(1) of the Federal Constitution to refuse the vaccination, and therefore it was disproportionate for the respondents to discharge him and

deprive him of his pension due to his refusal.

Wan Ramli said he had lost his employment and livelihood, which he said was a guaranteed fundamental right under the Federal Constitution.

The court, however, disagreed on this.

"I am of the view that restrictions or limitations that affect the employment of a person are not a violation of Article 5(1) of the Federal Constitution as the right to employment is not absolute," Justice Ahmad Kamal said.

The judge further said that the applicant ought to know that his employment was subject to the Armed Forces Act 1972 and the regulations therein.

"As a member of the Malaysian army, it is his responsibility to

abide by and obey the orders imposed upon him in accordance with the said Act and the relevant regulations. As a military officer, he is duty-bound to follow instructions given to maintain discipline.

"All in all, I find that the decisions made by the respondents against the applicant were made in accordance with the law and are not tainted with illegality, irrationality or procedural impropriety," he said.

The court did not make any order as to costs.

Wan Ramli filed his application for leave for judicial review at the High Court on Sept 27, 2021.

He named Lt-Col Sharul Hesham Md Yasin, Lt Mohamad Azammunir Mohd Ashri, Army Chief General Tan Sri Zamrose Mohd Zain, the Army, and the government

as respondents.

On Oct 28, 2021, the High Court granted him leave to initiate a judicial review to challenge his dismissal after the respondents did not object to the leave application.

Wan Ramli said he had a fundamental right not to be vaccinated and claimed that on Aug 3, 2021, he was told that his new discharge was effective from Aug 26, 2021, when his normal discharge should have been on Jan 20, 2023.

The former soldier said his discharge was invalid on the grounds that the respondents' action was disproportionate in all the circumstances of the case, oppressive, irrational, unreasonable, amounted to unlawful discrimination, and took into account irrelevant considerations.